



Info SEKOLAH CEMERLANG

Sekolah Berasrama Penuh Premier

Paling Cemerlang

Mohd Shukor Salleh

09595

0H

10/9/2025
TOM
FOC

INFO SEKOLAH CEMERLANG

SEKOLAH BERASRAMA PENUH PREMIER PALING CEMERLANG

Terima Kasih Tun

Jasamu dikenang selalu
Ammin

Mohd Shukor Salleh

013 5287227

PUSTAKA PERDANA



1013990

© ELEGANT MIND PUBLICATION



#290988

© ELEGANT MIND PUBLICATION
Cetakan 2023

ELEGANT MIND PUBLICATION
No. Sykt: 202003167803 (003133510-U)
7-1, Jalan Tasik Selatan 8,
Bandar Tasik Selatan,
57000 Sungai Besi,
Kuala Lumpur.
Tel: 019-6216639

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubah suai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Elegant Mind Publication.

Perpustakaan
Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Mohd Shukor Salleh, 1968-
SEKOLAH BERASRAMA PENUH PREMIER
PALING CEMERLANG / Mohd Shukor Salleh.
(INFO SEKOLAH CEMERLANG)
ISBN 978-967-2743-26-2 (set)
ISBN 978-967-2743-24-8
1. Schools--Malaysia.
2. Boarding schools--Malaysia.
I. Judul. II. Siri.
371.009595

Dicetak oleh: SS GRAPHIC PRINTERS (M) SDN. BHD. (252774-K)

371.009595
Mohd

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

1 Sekolah Berasrama Penuh Premier 7

- Sejarah Ringkas
- SBP Premier (Tambahan)

2 Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban, Negeri Sembilan 9

- Sejarah Sekolah
- Penamaan Semula Sekolah
- Moto, Slogan dan Masyarakat SDAR
- Akademik
- Kokurikulum
- Kelab
- Sukan
- Pakaian Seragam
- Batch
- Prestasi Kokurikulum
- Lagu Sekolah
- Alumni

3 Sekolah Tun Fatimah (STF), Johor Bahru, Johor 16

- Sejarah Sekolah
- Dibuka dengan Rasmi
- Lagu Sekolah

4 Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh, Perak 18

- Sejarah Sekolah
- Visi dan Misi Sekolah
- Falsafah Sekolah
- Matlamat Sekolah
- Piagam Pelanggan

5 Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH), Jitra, Kedah 23

- Sejarah Sekolah
- Berstatus Premier

6 Sekolah Sultan Alam Shah (SAS), Putrajaya 25

- Sejarah Sekolah
- Badan-badan Pembantu Tadbir
- Rumah-rumah Kediaman
- Pengetua Sekolah

7 Sekolah Seri Puteri (SSP), Cyberjaya, Selangor 29

- Sejarah Sekolah
- Bangunan dan Kemudahan
- Konsep Pembinaan Sekolah
- Misi dan Visi Sekolah
- Logo dan Bendera Sekolah
- Lagu Sekolah

8 Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra (SMSTMFP), Pengkalan Chepa, Kelantan 33

- Sejarah Sekolah
- Pelajar dan Bekas Pelajar
- Senarai Presiden Persatuan Alumni
- Senarai Pengetua

- Kelab dan Persatuan
- Perwakilan Kolej
- Pakaian Seragam
- Sukan dan Permainan
- Badan Khas
- Senarai Pengetua
- Persatuan Bekas Pelajar atau Alumni Kolej Islam (ALKIS)
- Bekas Pelajar Ternama
- Universiti Islam Malaysia

13 **Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Nurul Ittifaq (SMKANI), Kuala Besut, Terengganu** **70**

- Sejarah Penubuhan
- Tenaga Pengajar
- Lokasi Sekolah
- Pemulihan Madrasah Nurul Ittifaq
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- Falsafah Pendidikan Islam
- Falsafah SMKA
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT)
- Hala Tuju SMKA Nurul Ittifaq
- Unit Bimbingan Kaunseling SMKANI
- Rasional
- Justifikasi
- Pencapaian Murid

14 **Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Taman Petaling, Petaling, Selangor** **77**

- Sejarah Sekolah
- Pencapaian Sekolah

15 **Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Raja Zarina, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang, Selangor** **79**

- Sejarah Sekolah
- Pencapaian Sekolah

9 Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud (SESMA), Kuala Terengganu, Terengganu **36**

- Sejarah Sekolah
- Falsafah SESMA
- Visi dan Misi
- Lagu Sekolah
- Pentadbiran dan Pengurusan
- Bangunan Pembelajaran dan Pentadbiran
- Asrama
- Dewan Makan dan Kantin
- Dewan Besar
- Surau
- Perpustakaan dan Pusat Sumber
- Makmal Multimedia dan Komputer
- Makmal Bahasa
- Koperasi Sekolah
- Kemudahan Sukan dan Pengangkutan
- Senarai Pengetua
- Majalah Sekolah

10 Kolej Tunku Kurshiah (TKC), Bandar Enstek, Seremban, Negeri Sembilan **42**

- Sejarah dan Latar Belakang
- Dirasmikan oleh Lady Gent
- Sejarah Penubuhan
- Lagu Sekolah
- Program Diploma International Baccalaureate (IBDP)
- Bekas Pelajar TKC
- Kronologi Enrolmen
- Lencana Sekolah

11 Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) **48**

- Sejarah Sekolah
- Infrastruktur
- Sukan dan Alumni
- Tradisi MCKK
- Senarai Pengetua

12 Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang, Selangor **52**

- Sejarah Latar Belakang
- Syiar Kolej - 'Fastaqim Kama Umirta'
- Moto, Misi, Visi dan Matlamat Kolej
- Lagu Kolej
- Anugerah
- Pencapaian
- Sistem Pembelajaran dan Pengurusan
- Dewan Besar atau Dewan Al-Muttaqin wal Muthaqqafin
- Dewan Terbuka atau Centre of Excellence (CoE)
- Gimnasium
- Dewan Peperiksaan Tingkatan Enam
- Dewan Kuliah atau Dewan Ulul Albab (DUA)
- Pejabat
- Bilik Guru
- Kantin atau Kafeteria
- Padang Belakang
- Padang Hadapan
- Bilik Peperiksaan
- Bilik Kokurikulum
- Bilik Kemahiran Al-Quran
- Bilik Sakit
- Perpustakaan atau PERKISAS
- Bilik Tayangan Utama (BTU)
- Bilik Alat Pandang Dengar (APD)
- Makmal Bestari
- Dar Warasatul Anbiya'
- Koperasi
- Galeri
- Asrama Putera
- Asrama Puteri
- Musolla Saiyidina Ali
- Musolla Saidatina Khadijah
- Dewan Makan Putera
- Dewan Makan Puteri
- Bilik Makan VIP
- Bilik Makan VVIP
- White House (Rumah Tetamu)
- Aktiviti Kokurikulum
- Unit Beruniform

PENDAHULUAN

Buku siri *INFO SEKOLAH CEMERLANG* ini diterbitkan bagi mengisi pengetahuan para pelajar agar dapat mengenalpasti sekolah-sekolah yang cemerlang yang terdapat di negara ini. Kedudukan kecemerlangan ini akan berubah setiap tahun bergantung kepada keputusan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keberkesanan sekolah atau sekolah cemerlang boleh diukur berasaskan output atau hasil persekolahan itu. Hasil ini berbentuk pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pewujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa.

Keberkesanan sekolah juga boleh diukur bukan sahaja melalui kecemerlangan dalam pendidikan, tetapi dari aspek ekuiti (kesaksamaan) untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira kebolehan dari segi kognitif, fizikal pelajar, latar belakang taraf sosioekonomi (SES) ibu bapa pelajar, latar belakang agama, bangsa dan keturunan dan fahaman pelajar. Akhir sekali, keberkesanan sekolah boleh diukur dari segi kemajuan atau peningkatan dari segi kadar pencapaian akademik pelajar dari setahun ke setahun yang ditunjukkan melalui adanya nilai tambah (*value added*) kepada kebolehan pelajar.

Sekolah cemerlang atau sekolah berkesan mempunyai maksud yang sama. Di Amerika Syarikat dan di United Kingdom bagi sekolah cemerlang, ia menggunakan istilah sekolah berkesan (*effective school*), manakala di Malaysia menggunakan istilah sekolah cemerlang yang bermaksud sekolah yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu daripada pencapaian akademik yang rendah meningkat kepada pencapaian akademik yang tinggi. Menurut Hussein Mahmood (1993), sekolah cemerlang bukanlah sekolah yang established atau sekolah primer tetapi sekolah yang dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi, kurang menghadapi masalah disiplin dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat dan guru-guru merasa puas hati bekerja.

Abdul Shukor Abdullah (1991) mengatakan bahawa sekolah cemerlang ialah sekolah yang mencapai tahap terbaik, bermutu dan terunggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik, sahsiah, pengurusan, perhubungan, infrastruktur dan kepemimpinan. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) pula, konsep sekolah cemerlang berkait dengan kecemerlangan akademik; walau bagaimanapun guru-guru perlu menentukan perkembangan seimbang pelajar dan kemampuan pentadbir membantu guru menjalankan tugasnya dengan baik. Bagi membantu pelajar pula, sekolah cemerlang ialah sekolah yang mempunyai guru-guru yang boleh mengajar dengan berkesan supaya pelajarinya bijak, mempunyai sahsiah dan disiplin yang baik. Dalam situasi di USA, United Kingdom malah di Malaysia didapati tidak semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan.

1

Sekolah Berasrama Penuh Premier

SEJARAH penubuhan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bermula pada tahun 1890, ketika R.O. Winsted menjadi Timbalan dan kemudiannya menjadi Pengarah Pelajaran Tanah Melayu. Pada tahun 1980, 'The Selangor Raja School' telah ditubuhkan sebagai memulakan langkah melahirkan elit Melayu daripada kalangan istana dan anak-anak pembesar negeri, menerusi pendidikan aliran Inggeris.



Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, antara sebuah sekolah berasrama penuh premier di Malaysia

Sejarah Ringkas

Pada tahun 1894, sekolah ini telah ditutup untuk tujuan pengubahsuaian dan dilahirkan semula dalam bentuknya yang baru pada tahun 1905 di Kuala Kangsar. Kini, sekolah itu dikenali sebagai The Malay College Kuala Kangsar (MCKK).

Sultan Perak, iaitu KDYMM Sultan Idris dalam Persidangan Raja-Raja (DURBAR) pada tahun 1903 telah mengkritik dasar pentadbiran Inggeris, khususnya dalam hal pendidikan orang Melayu dengan mengatakan ia 'hanya menghasilkan petani dan nelayan Melayu yang lebih baik'. Baginda Sultan Perak sendiri telah menawarkan lokasi penubuhan MCKK di tapak sekarang ini, dengan tujuan '*for the education of the Malays of good family and for the training of Malay boys for admission to certain branches of the government service*'.

Pada tahun 1947, Malay Girl College ditubuhkan di Kuala Lumpur, kemudiannya berpindah ke Seremban, Negeri Sembilan dan dikenali sebagai Kolej Tunku Kurshiah sehingga sekarang, mengambil sempena nama DYMM Raja Permaisuri Agong yang pertama.

Pada bulan September 1955, sebuah Jawatankuasa Pelajaran telah ditubuhkan yang akhirnya melahirkan Penyata Razak pada tahun 1956. Laporan Penyata Razak kemudiannya diluluskan dan menghasilkan Ordinan Pelajaran 1957. Penyata Razak telah memperakukan penubuhan 6 buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP), iaitu:

Bil	Nama Sekolah
1	Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) - 1956
2	Sekolah Tun Fatimah (STF) - 1956
3	Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) - 1957
4	Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH) - 1963
5	Sekolah Alam Shah (kini dinamakan Sekolah Sultan Alam Shah) (SAS) - 1963
6	Sekolah Seri Puteri (SSP) - 1968

Pada tahun 1955, Kolej Islam Malaya telah ditubuhkan di atas tapak bekas istana, yang diwakafkan oleh Almarhum Sultan Hishamuddin ibni Sultan Sulaiman di Klang, Selangor. Pada tahun 1966, kolej ini berpindah ke Jalan Universiti di Petaling Jaya, Selangor. Pada tahun 1967, setelah kerja-kerja pengubahsuaian selesai, kolej ini berpindah semula ke Klang dan diberi nama Kolej Islam Klang.

Pada tahun 1972, pentadbiran kolej ini diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan dinamakan sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Semua 9 SBP tersebut telah dibina sebelum kewujudan SBP baru seperti Sekolah Menengah Sains (SMS), SBPI dan SMAP. Oleh itu, 9 SBP tersebut dikenali sebagai SBP terawal ataupun SBP Premier. Semua SBP Premier mengambil pelajar Tingkatan 1-5 kecuali KISAS yang hanya mempunyai Tingkatan 4, 5 dan 6.


► SBP Premier (Tambahan)

Pada tahun 2012, Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra (SMSTMFP) telah diiktiraf sebagai SBP Premier. Ini diikuti oleh Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud (SESMA) pada tahun 2013.

2

Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban, Negeri Sembilan

SEKOLAH Dato' Abdul Razak (SDAR) merupakan sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) premier yang terletak di Sungai Gadut, Seremban, Negeri Sembilan. Pada tahun 2008, SDAR telah dinobatkan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) manakala pada tahun 2010, SDAR merupakan antara sekolah yang dipilih sebagai kohort pertama Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).



Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban, Negeri Sembilan

Selain itu, SDAR ini juga diklasifikasikan sebagai sekolah berasrama penuh premier kerana pelajar sekolah ini merupakan semua Melayu dari serata Malaysia. Sesuai dengan statusnya sebagai sekolah premier, sekolah ini hanya menerima pelajar lelaki berusia antara 13 hingga 17 tahun. Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) memiliki 608 orang pelajar dan 64 orang guru.

► **Sejarah Sekolah**

SDAR ditubuhkan di Johor Bahru pada 1 Mei 1956 sebagai Sekolah Menengah Melayu. Penubuhan sekolah ini berdasarkan cadangan yang disenaraikan dalam Penyata Razak 1956. Antara tujuannya adalah untuk memberikan peluang kepada para pelajar Melayu di sekolah rendah untuk meneruskan pengajian menengah mereka.

Sekolah Berasrama Penuh Premier *Paling Cemerlang*

Dunia pendidikan kini semakin mencabar. Justeru, banyak sekolah bestari di negara kita telah ditubuhkan dengan hasrat untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah. Bagi menyokong hasrat murni ini, siri INFO SEKOLAH CEMERLANG ini telah diterbitkan untuk bacaan para pelajar, ibu bapa dan warga pendidik. Siri ini memaparkan empat buah judul yang mengetengahkan sekolah-sekolah cemerlang dan terbaik di Malaysia. Pelbagai info dan grafik info yang menarik, senarai alumni yang berjaya dan terkenal serta foto yang eksklusif telah dimuatkan dalam buku-buku ini. Ini bagi memberi motivasi kepada pelajar muda untuk mencontohi kejayaan alumni yang cemerlang dalam bidang akademik dan dunia kerjaya kini. Semoga buku-buku ini menjadi koleksi wajib pelajar pada masa senggang mereka.

Buku-buku dalam siri ini ialah:

- Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Paling Cemerlang
- Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Paling Cemerlang
- **Sekolah Berasrama Penuh Premier Paling Cemerlang**
- Sekolah Bestari Paling Cemerlang

ELEGANT MIND PUBLICATION

No. Sykt: 003133510-U

7-1, Jalan Tasik Selatan 8,

Bandar Tasik Selatan,

57000 Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Tel: 019-6216639

ISBN 978-967-2743-26-2 (set)

ISBN 978-967-2743-24-8



9

789672

743248